

SOALAN NO: 6

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : SELASA, 1 APRIL 2014

RUJUKAN : L8 [PR-1321-L59698]

SOALAN :

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tarikh yang tepat
berkenaan dengan pemindahan bazar larut malam 'uptown' di
Danau Kota.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, tiada tarikh tepat untuk memindahkan peniaga-peniaga di Bazaria Larut Malam Danau Kota. Dijangkakan tempoh projek siap adalah selama 2 atau 3 tahun kerana terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan seperti isu tanah dan rekabentuk pembangunan tapak baru.

Lokasi yang dicadangkan mempunyai masalah pengambilan tanah di mana tanah tersebut adalah milik Persuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Terdapat dua (2) kaedah yang boleh dibuat ialah dengan pengambilan tanah atau pajak daripada pemilik Persuruhjaya Tanah Persekutuan tersebut dan ini memakan masa yang lama untuk diselesaikan.

Sebaik sahaja tapak tersebut diperakui, maka pembangunannya pula mengambil masa 2 tahun iaitu dari aspek penyediaan rekabentuk dan pembinaannya. Oleh yang demikian, tiada tarikh yang tepat dapat ditetapkan bagi tujuan pemindahan bazar larut malam 'uptown' tersebut.